



TEKS UCAPAN

YABHG DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN

SAMBUTAN NOVEMBER BULAN KELUARGA

KEBANGSAAN

(BKK2024)

9 NOVEMBER 2024 (SABTU) | 9.00 PAGI

TAMAN BOTANI PERDANA

KUALA LUMPUR

Terima kasih Pengerusi Majlis, Tuan Haji Saiful Khairi Ahmad.

Bismillahirrahmanirrahiim.

***Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh
dan Salam Sejahtera***

SALUTASI

(Akan dikemukakan kemudian)

A. MUKADIMAH

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita semua bersama-sama hadir dalam majlis penuh makna dan manfaat pada pagi ini bagi menyempurnakan Sambutan November Bulan keluarga Kebangsaan Tahun 2024.

Saya ingin menyampaikan salam takzim daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, kerana beliau tidak dapat hadir atas komitmen rasmi yang tidak dapat dielakkan.

Seterusnya, saya akan membacakan teks ucapan perasmian bagi pihak beliau.

Daripada Saidatina 'Aisyah R.Anha, bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud,

“Orang yang terbaik di kalangan kamu ialah orang yang terbaik kepada keluarganya dan aku adalah yang paling baik di antara kamu terhadap keluargaku.”

Riwayat al Tirmizi dan Ibn Majah

1. Pesanan daripada *Rasulullah SAW* dalam khutbah terakhir-Nya di Arafah ini amat mengesankan. Islam menyeru umatnya untuk sentiasa berbuat baik kepada ahli keluarga dan juga mereka yang mempunyai hubungan silaturrahim dengannya.
2. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) atas penganjuran program yang sangat bermakna ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang hadir pada hari ini, kesediaan anda semua di sini adalah cerminan komitmen dan kesungguhan kita semua dalam mengangkat martabat institusi keluarga.

B. KELUARGA MADANI: KELUARGA PEMANGKIN PEMBANGUNAN NEGARA

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,

3. Membina keluarga yang sejahtera adalah tanggungjawab kita semua. Kasih sayang dalam keluarga adalah kunci kepada masyarakat yang harmoni. Kerajaan hari ini tidak hanya memandangkan kepada aspek fizikal keluarga tetapi juga aspek nilai, moral dan kerohanian.
4. Usaha Kementerian untuk menanam semangat kekeluargaan melalui konsep Kasih MADANI dan pelaksanaan Bulan Keluarga Kebangsaan adalah langkah positif untuk melahirkan masyarakat yang stabil, harmoni dan sejahtera. Ini sejajar dengan visi negara untuk menjadi sebuah negara MADANI yang progresif dan inklusif, mengambil berat kebajikan semua rakyat. Insya-Allah kita akan dapat membina masa depan yang lebih baik.

C. SAMBUTAN BULAN KELUARGA DI SETIAP KEMENTERIAN DAN KERAJAAN NEGERI

5. Bagi menyemarakkan Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 November 2023 telah bersetuju dengan cadangan Kementerian Pembangunan Wanita,

Keluarga dan Masyarakat di bawah pimpinan YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri untuk memperluaskan sambutan ini di peringkat semua Kementerian dan Kerajaan Negeri mulai tahun ini.

6. Justeru, semua Kementerian dan Kerajaan Negeri adalah diharapkan untuk turut sama menjayakan November sebagai Bulan Keluarga Kebangsaan. Pelaksanaan aktiviti hari keluarga di setiap Kementerian dan agensi Kerajaan juga perlu dijadikan acara tahunan wajib pada setiap November. Bagi sektor swasta, NGO dan komuniti pula amatlah digalakkan supaya melaksanakan program kesejahteraan keluarga mengikut kapasiti masing-masing.
7. Rancang dan laksanakanlah aktiviti yang bermanfaat yang berbentuk kekeluargaan dengan cara masing-masing berpandukan nilai-nilai positif dan etika yang baik dalam usaha kita untuk memelihara dan memperkukuhkan kesejahteraan keluarga, bukan hanya sambutan semata-mata.
8. Suka diingatkan bahawa majikan yang melaksanakan hari keluarga dan aktiviti

kekeluargaan di tempat kerja layak mendapatkan pelepasan cukai. Tuan-tuan dan puan-puan boleh hubungi pihak LHDN untuk penjelasan lanjut berhubung perkara ini.

9. Ambillah peluang, kerana usaha ini secara tidak langsung dapat meningkatkan produktiviti pekerja selain membantu dalam mengimbangi kehidupan bekerjaya dan berkeluarga seterusnya memperkukuhkan institusi keluarga para pekerja. Pada masa sama, perkara ini sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada kesihatan mental yang baik.

D. CABARAN KELUARGA

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,

10. Keluarga di Malaysia saat ini menghadapi pelbagai cabaran yang dipengaruhi oleh perubahan sosial, pendidikan, ekonomi dan teknologi yang sangat pantas. Isu megatrend yang melanda seantero dunia seperti perubahan demografi yakni peralihan

penuaan penduduk dan penurunan kadar kesuburan serta perubahan iklim memberi kesan yang signifikan terhadap institusi keluarga di seluruh dunia. Perubahan ini memerlukan tindakan semua pihak di setiap lapisan masyarakat untuk bersama-sama mencari jalan dalam membantu institusi keluarga agar dapat membangun keluarga MADANI yang lebih kuat, kukuh dan sejahtera.

11. Oleh yang demikian, jaminan diberi bahawa Kerajaan melalui Agenda Membangun Malaysia MADANI akan terus melaksanakan usaha bagi meningkatkan martabat institusi keluarga.

PENGUMUMAN 1:

Inisiatif *Claimable* Kursus Keibubapaan dan Kekeluargaan Melalui HRD Corp.

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,

12. KPWKM melalui LPPKN banyak melaksanakan pelbagai program pendidikan keibubapaan dan kekeluargaan yang di seluruh negara. Program-

program yang dianjurkan ini banyak memberi manfaat kepada keluarga untuk menguruskan hal ehwal perkahwinan, pengurusan perbelanjaan keluarga mahu pun membantu dalam mengimbangi keperluan keluarga dan kerjaya.

13. Bagi menyatakan sokongan kepada sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan ini, sukacita diumumkan bahawa ***Human Resource Development Corporation (HRD Corp)*** akan meneruskan inisiatif pembiayaan kursus-kursus yang bertemakan pembangunan keluarga dan keibubapaan kepada pekerja menggunakan caruman levi majikan. Saya amat menyokong inisiatif ini dan mengharapkan lebih banyak majikan akan menghantar pekerja mereka untuk menghadiri kursus-kursus pembangunan keluarga dan kemahiran keibubapaan. Tawaran ini dibuka sepanjang November tahun ini.

PENGUMUMAN 2:

Inisiatif Percutian Keluarga dan Jualan Promosi Keluarga

14. Selain itu, menyedari bahawa pentingnya masa bersama keluarga, sepanjang November ini juga kerjasama strategik dilaksanakan dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) untuk mengarahkan **semua agensi di bawahnya termasuk pengusaha pelancongan seperti hotel dan inap desa, Persatuan Taman Tema dan Persatuan Peniaga-Peniaga untuk menawarkan pakej-pakej istimewa kepada percutian keluarga.** Tidak terkecuali saya juga sarankan syarikat penerbangan turut sama memberi pakej keluarga bagi mana-mana destinasi percutian keluarga. Saya percaya usaha ini akan mampu semarakkan lagi masa berkualiti bersama keluarga kepada seluruh rakyat negara ini.

DASAR BAJET 2025

15. Menerusi Bajet 2025 yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat baru-baru ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sekali lagi diberikan kepercayaan oleh Kerajaan untuk terus memberi manfaat kepada kumpulan sasaran dan menerajui peningkatan kesejahteraan

keluarga di Malaysia. Sebanyak **RM 3.6 billion** telah diperuntukan untuk Kementerian melaksanakan program-program dengan visi bagi membangun masyarakat yang sejahtera secara inklusif dan saksama melalui inovasi sosial dan kebajikan produktif.

16. Belanjawan 2025 ini juga jelas menggambarkan tekad dan komitmen berterusan Kerajaan untuk memperkukuhkan institusi keluarga di Malaysia tanpa meminggirkan aspek adab dan susila.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,

17. Alhamdulillah, dapatan Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) yang telah dijalankan oleh KPWKM melalui LPPKN mendapati skor pada tahun 2022 telah mencatatkan peningkatan berbanding sebelumnya. Walaupun terdapat kebimbangan mengenai tahap kesejahteraan keluarga disebabkan oleh pelbagai krisis yang melanda

negara seperti COVID-19 dan bencana alam, namun secara keseluruhannya keseimbangan kesejahteraan keluarga sentiasa diberi fokus. Namun, apa yang lebih penting adalah situasi sebenar di lapangan. Sebarang inisiatif yang dilaksanakan mestilah benar-benar sampai kepada penerima manfaat yang memerlukan, tanpa ada yang terpinggir. *Leave no one behind.*

18. Selain itu, Dasar Sosial Negara 2030 yang dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi pada bulan lalu turut menjadikan keluarga sebagai tunjang melalui salah satu terasnya iaitu memperkasa institusi kekeluargaan dan masyarakat sebagai sistem sokongan sosial negara. Ini penting bagi melahirkan keluarga yang sejahtera dan dan berdaya tahan.
21. Kerajaan akan terus komited dalam memberikan yang terbaik kepada rakyat. Saya menyeru agar KPWKM dan LPPKN meneruskan hasrat murni dan melipatgandakan usaha bagi memastikan institusi keluarga di Malaysia terus kukuh, terpelihara dan sejahtera.

22. Dengan lafaz *Bismilahirrahmanirrahim*, saya dengan ini merasmikan **Sambutan November Bulan Keluarga Malaysia 2024 bertemakan Kasih Keluarga, Jiwa MADANI.**

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.

